

# Berita

# Kuala Lumpur City News

# BANDARAYA

Layari Berita Bandaraya di [www.dbkl.gov.my](http://www.dbkl.gov.my)

ISSN 1675-1076 Naskhah Percuma

Bil.3 Mei - Jun 2008/Rabiulakhir - Jamadilakhir 1429H

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

## PERANCANGAN MASA DEPAN KUALA LUMPUR

Perancangan Kuala Lumpur adalah berasaskan sistem pelan pembangunan mengikut peruntukan Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982. Akta ini memerlukan Datuk Bandar menyediakan dua pelan pembangunan iaitu **pelan struktur** dan **pelan tempatan** bagi menggantikan Pelan-pelan Pembangunan Lengkap 1039, 1040 dan 1041 yang telah diwartakan mengikut peruntukan Ordinan No. 46 (Kuasa- Kuasa Perlu) Darurat 1970.

### PELAN STRUKTUR KUALA LUMPUR 2020

- Sebagai Rangka Tindak Untuk Memandu  
Pembangunan Kuala Lumpur Sehingga Tahun 2020

Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 (PSKL 2020) yang telah diwartakan pemakaiannya pada November 2004 adalah merupakan pelan yang menggariskan wawasan, matlamat, strategi dan dasar bagi memandu pembangunan Kuala Lumpur sehingga tahun 2020.

Ini adalah usaha untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar raya bertaraf dunia di mana ia diperjelaskan melalui lima matlamat iaitu, mempertingkatkan peranan Kuala Lumpur sebagai pusat komersil dan kewangan antarabangsa, mewujudkan satu struktur bandar raya efisien dan saksama, mempertingkatkan persekitaran hidup, membentuk satu identiti dan imej bandar raya yang tersendiri serta mempunyai urustadbir cekap dan berkesan.

Pelan ini turut menggariskan 10 strategi pembangunan yang merangkumi pembaikan ke atas guna tanah keseluruhan Kuala Lumpur terutamanya kawasan pusat bandar raya, zon zon antarabangsa, Kawasan Rizab Melayu, kampung-kampung tradisional, kampung-kampung baru dan kawasan-kawasan usang. Strategi-strategi ini disokong dengan pembentukan 190 dasar yang merangkumi 18 sektor seperti asas ekonomi dan penduduk, pendapatan dan kualiti hidup, perdagangan, pelancongan, industri, pengangkutan, infrastruktur dan utiliti, perumahan, kemudahan masyarakat, reka bentuk bandar dan lanskap, alam sekitar, kawasan khusus dan pelaksanaan.



Pembangunan Bandar Raya Kuala Lumpur yang mampan

Walau bagaimanapun, pelan struktur ini hanya merupakan kenyataan-kenyataan berbentuk "statement of intents" dan tidak menunjukkan kegunaan tanah dan intensiti pembangunan secara khusus bagi setiap lot sepertimana diperlukan pada peringkat kawalan pembangunan. Bagi memudahkan proses mempertimbangkan permohonan-permohonan perancangan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menyediakan draf pelan tempatan untuk Kuala Lumpur setelah pelan struktur diwartakan.

### Kepentingan Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020

- Menterjemah matlamat, strategi dan dasar pembangunan PSKL 2020
- Menjadikan proses kawalan pembangunan lebih telus
- Meningkatkan mutu perkhidmatan DBKL
- Menyokong usaha penjenamaan Kuala Lumpur

### DRAF PELAN BANDAR RAYA KUALA LUMPUR 2020

- Pelan Tempatan Untuk Kuala Lumpur Yang  
Menterjemah Wawasan, Matlamat, Strategi  
Pembangunan dan Dasar PSKL 2020

Draf pelan tempatan untuk Kuala Lumpur yang dinamakan sebagai Draf Pelan Bandar Raya Kuala Lumpur 2020 telah disediakan mengikut peruntukan Seksyen 13(2) Akta (Perancangan) Wilayah Persekutuan 1982 (Akta 267). Pelan ini merupakan suatu alat perancangan yang sangat penting bagi Kuala Lumpur selepas Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020. (sambung ke muka 4)



## DARI MEJA DATUK BANDAR

Dalam memandu pembangunan Bandar Raya Kuala Lumpur menjelang tahun 2020, DBKL telah mewartakan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 pada November 2004 bagi menggariskan kawasan, matlamat, strategi dan dasar pembangunan bandar raya ini. Seterusnya untuk menterjemahkan cadangan dan sasaran Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 tersebut, DBKL telah menyediakan Draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020. Berdasarkan kepada kehendak undang-undang Draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 tersebut perlulah dipamerkan kepada orang ramai untuk mendapatkan pandangan mereka samada berbentuk bantahan atau sokongan.

Selaras dengan itu DBKL telah mengadakan pameran Draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 di beberapa lokasi sekitar ibu kota bermula daripada 15 Mei hingga 30 Jun yang lalu. Di dalam pameran tersebut warga kota telah diberi peluang untuk memeriksa dan menyemak Draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 berkenaan. Orang ramai berpeluang untuk mengemukakan pandangan samada berbentuk sokongan atau bantahan secara bertulis dengan mengisi borang yang disediakan di setiap lokasi pameran. Tempoh penerimaan bantahan tersebut telah dilanjutkan daripada 1 Julai hingga kepada 31 Ogos 2008 memandangkan permintaan yang tinggi daripada orang ramai.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga telah membangunkan suatu Sistem Maklumat Eksekutif ([www.klcityplan2020.dbkl.gov.my](http://www.klcityplan2020.dbkl.gov.my)) bagi membantu orang ramai menggunakan Draf Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 selain menyediakan borang e-pandangan dan laman web tersebut. Semua pandangan ini terlebih dahulu akan didengar dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Pendaftar dan Pemandangan Awam yang terdiri daripada wakil pelbagai pertubuhan kerajaan, NGO, perubuhan profesional, para akademik IPT dan Institut Sains. Seterusnya laporan daripada Jawatankuasa Pemandangan Awam akan diteliti oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dengan dibantu oleh Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur dan meminda Draf Pelan

Bandaraya Kuala Lumpur 2020 di mana perlu sebelum dikemukakan kepada Menteri Wilayah Persekutuan untuk pertimbangan.

Sehubungan dengan itu, segala pandangan samada berbentuk sokongan atau bantahan daripada orang ramai adalah amat penting sebelum pelan itu diterimapai dan diwartakan. Ini bagi memastikan keperluan serta kepentingan komuniti terjaga di dalam usaha membangunkan bandar raya ini khususnya kepada generasi yang akan datang.

Pembangunan yang mampan juga tidak akan bermakna jika tahap keselamatan di bandar raya ini berada di tahap yang rendah. Oleh itu DBKL telah mengambil beberapa inisiatif untuk mewujudkan persekitaran yang lebih selamat.

Salah satu daripadanya ialah dengan menggunakan Sistem Kawalan Penyeliaan dan Pengumpulan Data (SCADA - *Supervisory Control and Data Acquisition*). Sistem ini telah mula digunakan di kawasan perumahan-perumahan awam DBKL bagi memantau keselamatan daripada segi pembekalan kemudahan awam di kawasan tersebut seperti status pam kecemasan dan status bekalan elektrik utama selain mengawal keselamatan penduduknya daripada kes-kes jenayah.

Selain memperkenalkan Sistem SCADA, DBKL juga turut memperkenalkan Alat Pengunci Roda Motosikal (APRM) kepada warga kota bagi menangani masalah kecurian motosikal. Di samping itu APRM secara tidak langsung mengalakkan para penunggang motosikal untuk meletakkan motosikal mereka di kawasan yang disediakan. Beberapa kaedah lain juga telah digunakan seperti mengenakan syarat di dalam perintah pembangunan bagi semua pembangunan yang baru untuk menyediakan tempat letak motosikal di bangunan yang dibina termasuklah membina tempat berteduh di bawah jambatan untuk penunggang motosikal. Inisiatif-inisiatif ini dilihat mampu untuk mengurangkan kadar kemalangan yang terjadi akibat daripada perbuatan meletak motosikal secara rambang.

Namun begitu, apalah guna kemudahan-kemudahan yang disediakan ini sekiranya para pengguna tidak menjaga serta mememanfaatkannya dengan sebaik-baiknya. Justeru saya menyeru orang ramai agar sama-sama menjaga dan menggunakan kemudahan-kemudahan awam yang telah disediakan ini untuk kebaikan dan kemudahan bersama.

## FROM THE MAYOR'S TABLE

In driving the development of Kuala Lumpur City until the year 2020, DBKL has gazetted the Kuala Lumpur 2020 Structural Plan in November 2004 to line up the vision, objective, strategy and basis of the city's

development. Subsequently, to translate the proposal and aim of the Kuala Lumpur 2020 Structural Plan, DBKL has prepared the Kuala Lumpur 2020 Draft Plan. As legally required, the Kuala Lumpur 2020 Draft Plan has to be displayed to the public to get their view whether in the form of objection or support.

In line with that DBKL has exhibited the Kuala Lumpur 2020 Draft Plan at various locations in the city recently from May 15 to June 30. In the Exhibition, city residents were given the opportunity to check and review the Draft Plan. The public had the opportunity to forward their written views whether in the form of a support or an objection by completing the forms provided at each exhibition location. The deadline to receive the objection has been extended from July 1 to August 31, 2008 in view of a high request from the public.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur has also set up an Executive Information System ([www.klcityplan2020.dbkl.gov.my](http://www.klcityplan2020.dbkl.gov.my)) to assist the public to access the Kuala Lumpur 2020 Draft Plan beside providing an e-view form in the web site. All the written views will first be heard and considered by the Public View Hearing Committee which is made up of representatives from various government association, NGO, professional association, IPT academicians and the Review and Research Institute. Thereafter the report from the Public View Hearing Committee will be scrutinised by the Datuk Bandar Kuala Lumpur with the assistance of the Bandaraya Kuala Lumpur Advisory Council and where necessary will revise the Kuala Lumpur 2020 Draft Plan before submitting to the Federal Territories Minister for consideration.

In that respect, all public views whether in the form of a support or an objection is crucial before the plan is accepted and gazetted. This is to ensure that the community's needs and priorities are protected in the city's development initiatives especially for the next generation. Sustainable development is also not meaningful if the safety level in the city is at its lowest level. As such, DBKL has taken a number of initiative to create a safer environment.

One of it is the implementation of the *Supervisory Control and Data Acquisition (SCADA) System*. This system was initially used in the DBKL public housing areas to oversee safety from the angle of providing public facilities in the area such as emergency pump and main electricity supply status apart from ensuring public safety from crimes.

Apart from implementing the SCADA System, DBKL has also introduced the Motorcycle Wheel Lock Instrument (MWLI) to city residents to address the problem of motorcycle theft. Apart from that, indirect MWLI encourages the motorcyclist to park their motorcycles in the provided areas. Various other measures has also been applied, such as imposing terms and building orders for all new buildings to provide motorcycle parking spaces including the construction of under bridge shelters for the motorcyclists. These initiatives are seen to be able

to reduce the accident rate resulting from rampant motorcycle parking.

But then, what are the use of the provided facilities if users do not take care and make the best use of it. Hence I appeal to the public to look after and use the provided public facilities with care for the common good and convenience

## Pandangan

Berita Bandaraya akan menjadi sumber informasi mengenai perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti DBKL khususnya kepada warga kota dan orang ramai lainnya. Pandangan anda mengenai perkhidmatan DBKL hendaklah dialamatkan kepada Sidang Redaksi Berita Bandaraya, Unit Komunikasi Korporat, Tingkat 5, Menara DBKL 1, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur. e-mel: [dbkl@dbkl.gov.my](mailto:dbkl@dbkl.gov.my) Tel: 03-2617 9803 Faks: 03-2698 0460. Sila nyatakan nama, jawatan, agensi, alamat surat menyurat, nombor telefon, faksimili dan alamat e-mel semasa menghantar pandangan anda. Terima kasih.

## Sidang Redaksi

Penasihat: Y.Bhg. Dato' Ab. Hakim bin Borhan  
Ketua Editor: Y.Bhg. Datuk Hj Salleh bin Yusup  
Editor: Anwar bin Mohd Zain  
Sub-Editor: Nur Diana bt Md Ghazali  
Jurufoto: Abd Rhani bin Md Shohor  
Md Ismail bin Isnin

Sayangi Kuala Lumpur